

Raja Tuna bayar RM7.3 juta untuk seekor ikan

Kimura sanggup mengeluarkan jumlah itu bagi mendapatkan tuna gergasi bluefin

TOKYO

Seorang pengusaha sushi Jepun dikenali dengan jolokan Raja Tuna telah membayar sebanyak AS\$1.8 juta (RM7.3 juta) untuk seekor tuna gergasi pada lelongan Tahun Baru di sebuah pasar ikan utama di ibu kota negara itu semalam.

Kiyoshi Kimura yang mempunyai rangkaian restoran sushi terkenal sanggup mengeluarkan jumlah itu bagi mendapatkan tuna bluefin seberat 276 kilogram.

Difahamkan, ikan tersebut ditangkap di perairan Aomori yang terletak di utara Jepun.

"Ini merupakan (tuna) terbaik dan harganya cukup mahal bukan? Saya



Kimura yang juga Presiden Rangkaian Restoran Sushi- Zanmai bersama ikan tuna seberat 276 kilogram yang dibayarnya pada lelongan Tahun Baru semalam.

mahu pelanggan menikmati makanan yang lazat tahun ini," katanya.

Tahun lalu, beliau membayar AS\$ 3.1 juta bagi seekor tuna seberat 278 kilogram.

Acara lelongan tersebut merupakan aktiviti tradisional yang dijalankan di

sebuah pasar baharu yang dipanggil Toyosu.

Jika sebelum ini ia terkenal di Tsukiji yang menjadi pasar ikan utama sehingga menjadi lokasi tumpuan pelanggan kerana restoran dan kedai tetapi ia telah ditutup pada 2018. -AFP